



# **TEKS UCAPAN**

**KETUA PENGARAH MAMPU**

**SEMPENA**

**PERASMIAN**

**SEMINAR BERPACUKAN DATA SEKTOR AWAM (BDSA)**

**16 OGOS, 2022 (SELASA)**

**9.00 PAGI – 5.00 PETANG**

**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA  
(PICC)**

**PUTRAJAYA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Kegemilangan dan Salam Sejahtera.**

Terima kasih Saudara & Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Dr. Mohd Bakhari bin Ismail,**  
Timbalan Ketua Pengarah  
Transformasi dan Pemodenan Pengurusan (TPP) MAMPU,

**Yang Berusaha Dr. Fazidah binti Abu Bakar,**  
**Pengarah Bahagian Kerajaan Digital / TKP (ICT) MAMPU**

Yang Berbahagia,  
Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

Yang Berbahagia,  
Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri

Yang Berbahagia,  
Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, dan

Yang Berbahagia,  
Pegawai-pegawai Kanan Agensi Pusat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

## KATA ALU-ALUAN PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah, marilah kita mulakan pagi ini, dengan menutur setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, atas kebesaran dan keagunganNya jua, maka kita diberi kesempatan untuk bersama-sama sempena **Program Seminar Berpacukan Data Sektor Awam**.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan mengalu-alukan kehadiran Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan-timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah agensi Pusat yang turut memegang portfolio Ketua Pegawai Digital (CDO), Pengurus-pengurus ICT serta wakil Bahagian Dasar dari pelbagai Kementerian, Kerajaan Negeri dan agensi bagi menjayakan **Seminar Berpacukan Data Sektor Awam** ini. Saya percaya, dengan sokongan dan komitmen padu daripada pengurusan tertinggi agensi, aspirasi Kerajaan untuk memanfaatkan kepintaran data sebagai pemangkin agenda pendigitalan negara akan berjalan lancar.

3. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pembentang dan ahli panel perbincangan terutamanya dari **Estonia, Khazanah Research Institute(KRI), MDEC, CGSO, DOSM, UKM** dan **MAMPU** kerana sudi berkongsi ilmu dan pengalaman dalam bidang masing-masing yang pastinya akan memberi nilai tambah kepada seminar ini. Kepada delegasi dari Estonia, ***To Estonia delegation, "Welcome to Malaysia and to our program today!"***.

YBhg. Datuk Seri', YBrs. Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Perkhidmatan awam, sama ada di peringkat kerajaan tempatan, negeri mahupun persekutuan, telah melalui pelbagai perubahan yang ketara, daripada corak pentadbiran berasaskan 'Conventional Government' kepada 'e-Government'. Revolusi 'e-Government' ini telah berkembang secara berperingkat, dari e-Government 1.0, e-Government 2.0 dan kini Kerajaan telah berada di era e-Government 3.0, yang dikenali sebagai 'Era Kerajaan Digital', di mana proses pendigitalan di platform Kerajaan sedang melalui transformasi digital yang pesat.

5. Selaras dengan perkembangan semasa Era Kerajaan Digital, kini data menjadi aset berharga kepada perkhidmatan awam sebagai elemen penting untuk memperkasa penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat. Ia adalah kerana data merupakan sumber asas penghasilan maklumat dalam membantu Kerajaan memahami keperluan semasa dan masa hadapan, sekali gus membuat keputusan tepat secara cekap serta berkesan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh *The Economist* dalam terbitannya pada tahun 2017, "***The world's most valuable resource is no longer oil, but data.***"

6. Pemanfaatan data telah menjadi agenda utama negara sejak 6 tahun yang lepas, seperti yang dicadangkan di dalam **Rancangan Malaysia Ke-11 2016–2020 (RMK-11)** di bawah Bidang Fokus: Mempertingkatkan Penyampaian Perkhidmatan dengan Mengutamakan Rakyat, di bawah Strategi - Memanfaatkan Data Bagi Meningkatkan Outcome dan Mengurangkan Kos. Pelaksanaan pemanfaatan data diteruskan di dalam **Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12)** yang menggariskan sembilan fokus utama, yang salah satunya adalah

## **Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dan Memastikan Pelaksanaan Dasar yang Berkesan.**

7. Untuk makluman hadirin, usaha pengurusan dan pemanfaatan data yang berterusan adalah penting kepada sektor awam dan negara serta perlu diambil kira dalam perancangan strategik hala tuju masa hadapan. Sehubungan dengan itu, inisiatif **Kerajaan Berpacukan Data** diperkenalkan untuk merealisasikan hasrat ini. Inisiatif ini adalah selaras dengan Teras Satu di dalam **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025** iaitu Pemanfaatan Kepintaran Data bagi mengurus data sebagai aset Kerajaan dan secara tidak langsung ia menyokong fokus utama RMK-12. Selain itu, teras ini juga **menyokong inisiatif MyDIGITAL dari aspek penggubalan dasar perkhidmatan digital yang dipacu data**, hasil daripada analitis data dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dalam meningkatkan keberkesanan penawaran perkhidmatan kepada rakyat.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Selaras peranan MAMPU sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab dalam agenda pendigitalan sektor awam itu, **Seminar Berpacukan Data Sektor Awam atau ringkasnya, BDSA** merupakan seminar yang julung kalinya diadakan pada tahun ini. Tema seminar iaitu **Ekosistem Berpacukan Data ke arah Kerajaan Digital Mampan** dipilih sejajar dengan senario semasa dan perkembangan pesat data yang perlu diterokai melalui jalinan interaksi pelbagai pihak agar perkhidmatan yang disediakan mampu memenuhi kehendak dan keperluan rakyat. Penganjuran seminar ini juga diaspirasikan daripada pembangunan **Rangka Tindakan Kerajaan Berpacukan Data** yang bermatlamat untuk

memastikan penyelarasan program berpacuan data secara holistik dan memanfaatkan data bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

9. Selain itu, seminar ini juga merupakan platform terbaik untuk memaklumkan kepada semua Kementerian, agensi dan Kerajaan Negeri mengenai **Rangka Tindakan Kerajaan Berpacuan Data** yang telah dibangunkan dan tadbir urus pengurusan data sektor awam yang baharu iaitu **Jawatankuasa Penyelarasan Program Berpacuan Data (JPPBD)**. Objektif teras ini adalah bagi memperkukuh pengurusan dan penyelarasan data melalui **'Prinsip Sekali Sahaja'** di peringkat nasional dan sektor awam supaya rakyat tidak perlu memberikan maklumat yang sama berulang kali.

## **PENGHARGAAN DAN PENUTUP**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Saya berharap agar program seminar ini akan menjadi titik permulaan ataupun *turning point* kepada semua agensi sektor awam untuk menambahbaik pengurusan data sektor awam yang cekap dan berkesan. Diharapkan, program ini juga dapat meningkatkan perkongsian dan penerbitan data, memanfaatkan data secara optimum dan mengaplikasikan analitis data raya ke arah memperkasakan penyampaian perkhidmatan Kerajaan serta menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi yang berpacuan data.

11. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak urus setia iaitu Bahagian Kerajaan Digital

MAMPU, Kementerian, Kerajaan Negeri dan agensi serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberi komitmen dan menjayakan penganjuran **Seminar Berpacukan Data Sektor Awam (BDSA)** pada hari ini. Semoga jalinan kerjasama ini akan berterusan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Helen Keller, seorang aktivis terkenal Amerika Syarikat, "***Alone we can do so little; together we can do so much.***"

12. Dengan lafaz yang mulia, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Seminar Berpacukan Data Sektor Awam (BDSA) 2022** yang bertemakan **Ekosistem Berpacukan Data ke arah Kerajaan Digital Mampan.**

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamuaalaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.